

# UTHM duduki tempat ketiga IPT di Malaysia

**BATU PAHAT** – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus popular apabila penarafan universiti itu dalam Webometric terus meningkat.

Ia dapat dibuktikan apabila sehingga Januari 2014, UTHM berjaya menduduki tempat ketiga daripada 92 institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini bagi kriteria Presence Rank.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Shafry Salim berkata, lebih membanggakan dalam kriteria yang sama, UTHM mendapat tempat ke-89 daripada 22,000 IPT di seluruh dunia.

Katanya, dengan kejayaan berkenaan, ia menjadikan UTHM mendapat tempat ke-12 bagi seluruh laman web di Malaysia dan ranking ke 2,055 di peringkat

IPT seluruh dunia.

“Bermula Januari 2009 lagi, UTHM berada pada kedudukan ke-4,491 di peringkat dunia dan seterusnya meningkat tahun demi tahun.

“Penarafan Webometrics merupakan sistem penarafan akademik IPT yang dijalankan sebanyak dua kali setahun oleh Cybermetric Lab iaitu sebuah kumpulan penyelidik terbesar dari Sepanyol.

“Penilaian yang dibuat dipecahkan kepada beberapa kriteria iaitu Presence, Impact, Openness dan Excellence,” katanya kepada Sinar Harian.

Kejayaan UTHM dalam penarafan itu katanya, melambangkan usaha gigih dan komitmen berterusan untuk terus maju dan berdaya saing.